

## Perkara Penting Anda Perlu Tahu Sebelum Beli Aircond

Membeli penyaman udara yang baru atau menggantikan yang sedia ada untuk rumah anda merupakan keputusan yang perlu dititikberatkan kerana ia aset untuk pelaburan jangka masa panjang.

Disini ada beberapa perkara yang perlu anda ketahui sebelum membuat pembelian.

### 1 - Apakah jenis penyaman udara yang sesuai untuk anda?

Apabila membeli penyaman udara, pertama sekali adalah mempertimbangkan sistem yang sesuai dengan keperluan anda. Terdapat tiga jenis aircond unit bilik

- 1) unit tingkap
- 2) unit mudah alih
- 3) unit atas dinding


Unit penyaman udara jenis dinding mungkin dapat menjadi penyelesaian bagi jangka masa panjang untuk menyejukkan rumah anda jika berbanding unit tingkap kerana ianya direka menjadi kekal untuk rumah anda.



### 2 - Apakah saiz penyaman udara yang anda perlukan?

Memilih unit yang terlalu kecil akan beroperasi masa lebih lama bagi menyejukkan kawasan yang luas serta ia akan meningkatkan bajet tenaga anda.

Memilih unit yang terlebih besar saiz dapat menyejukkan bilik dengan cepat namun kitarannya tidak efektif untuk menyingkirkan kelembapan, malah ianya akan meninggalkan bilik anda dengan udara yang tidak selesa.



### 3 - Berapakah kuasa kuda (HP) yang anda perlukan?

Pemampat dengan 1 kuasa kuda (horse power) mampu mengeluarkan lebih kurang 9000 BTU/jam. Semakin tinggi HP, semakin tinggi kapasiti penyejukan (BTU).

Sebagai contoh, ruang tamu yang mempunyai ukuran 400 kaki persegi memerlukan unit penyaman udara yang mempunyai kapasiti BTU 9000, yang bermaksud bahawa ia memerlukan penyaman udara dengan 1 HP.



### 4 - Kecekapan Tenaga (EER) Penyaman udara

Disebabkan penyaman udara menggunakan elektrik yang banyak, semua penyaman udara yang unit baru mesti mempunyai EER (Energy Efficiency Rating). Unit aircond yang mempunyai EER yang tinggi adalah amat baik.

Apabila memilih antara unit dengan harga yang sama, kecekapan tenaga dan kapasiti akan menjadi faktor penentu.



### 5 - Penyaman udara jenis inverter atau non inverter?

Unit inverter dapat memberikan penjimatan yang berganda serta dapat menyejukkan bilik dengan cepat berbanding dengan unit bukan inverter. Walaubagaimanapun, unit inverter adalah lebih mahal.



### 6 - Pemasangan penyaman udara

Unit yang dipasang tidak betul akan membazirkan tenaga walaupun mempunyai penilaian kecekapan yang tinggi.

Adalah amat penting untuk memasang unit di kawasan yang terlindung dari cahaya matahari kerana kesan cahaya matahari dapat mengurangkan kecekapan unit tersebut.

